



4 Ogos 2011  
4 August 2011  
P.U. (A) 263

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN  
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN)(PUNGUTAN TOL)  
(LEBUH RAYA KL-KUALA SELANGOR) 2011

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION  
OF TOLLS) (KL-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY)  
ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/ ATTORNEY  
GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA KL-KUALA SELANGOR) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya KL-Kuala Selangor) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2011.

**Pemberikuasaan untuk memungut tol**

2. (1) KL-Kuala Selangor Expressway Berhad diberi kuasa bagi tempoh dari 1 September 2011 hingga 28 Oktober 2048 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama bagi penggunaan ke mana-mana arah mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya KL-Kuala Selangor yang bermula dari kilometer 0.00 (di koordinat U 15220.998, T-36487.575 Grid Cassini Negeri Selangor) dan berakhir di kilometer 30.70 Lebuh Raya KL-Kuala Selangor (di koordinat U 13601.51, T-10067.94 Grid Cassini Negeri Selangor) termasuklah Persimpangan Bertingkat Ijok, Plaza Tol Ijok, Persimpangan Bertingkat Puncak Alam, Plaza Tol Kuang Barat, Jalan Susur Kundang, Plaza Tol Kuang Timur, Persimpangan Bertingkat Kuang, Plaza Tol Taman Rimba Templer dan Persimpangan Bertingkat Taman Rimba Templer dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 30.70 kilometer oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.

(2) Jalan-jalan yang dinyatakan dalam subperenggan (1) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

### **Pembayaran Tol**

3. (1) Tol yang disebut dalam subperenggan 2(1) hendaklah kena dibayar oleh pemandu kenderaan sebelum melalui Plaza Tol Ijok yang terletak di kilometer 3.72, Plaza Tol Kuang Barat yang terletak di kilometer 13.50, Plaza Tol Kuang Timur yang terletak di kilometer 19.60 dan Plaza Tol Taman Rimba Templer yang terletak di kilometer 26.72 di Lebuhraya KL-Kuala Selangor.

(2) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan suatu kad atau peranti elektronik hendaklah melalui suatu lorong tol yang mempunyai suatu mesin pembaca kad atau peranti elektronik, menghampiri mesin pembaca itu dan menyentuhkan kad atau peranti elektronik ke mesin pembaca itu dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada kad atau peranti elektronik tersebut.

(3) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan suatu tag elektronik hendaklah, sebelum melalui lorong tag elektronik yang dikhaskan, mempamerkan tag elektronik atau tag elektronik dengan kad atau peranti elektronik yang sah di cermin hadapan kenderaan dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada tag elektronik atau kad elektronik atau peranti elektronik itu.

(4) “Kad atau peranti elektronik” dan “tag elektronik” yang disebut dalam perenggan ini ertinya-

- (a) sesuatu kad atau peranti elektronik dan tag elektronik yang dibenarkan oleh Menteri, yang dikeluarkan bagi maksud pembayaran tol;
- (b) berhubung dengan sesuatu kad atau peranti elektronik, suatu kad atau peranti elektronik yang boleh dibaca oleh mesin pembaca yang dipasang di lorong tol; dan
- (c) berhubung dengan sesuatu tag elektronik, suatu tag elektronik yang boleh menyebabkan palang di lorong tag elektronik yang dikhaskan dinaikkan secara elektronik.

**Pengecualian daripada pembayaran tol**

4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, tiada apa-apa tol kena dibayar berkeenaan dengan mana-mana kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

**JADUAL PERTAMA**

[subperenggan 2(1)]

**KADAR TOL**

| (1)                                                                                     | (2)                           |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| <i>Kelas Kenderaan</i>                                                                  | <i>Tol Kena Dibayar</i><br>RM |
| 1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (kecuali teksi dan bas) | 2.00                          |
| 2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima dan enam roda (tidak termasuk bas)      | 4.00                          |
| 3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (tidak termasuk bas)                 | 6.00                          |
| 4. Teksi                                                                                | 1.00                          |
| 5. Bas                                                                                  | 2.00                          |

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah termasuk sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.

## JADUAL KEDUA

[Subperenggan 2(2)]

## PETA LEBUHRAYA KL-KUALA SELANGOR

